

Headline	Jurang penggunaan Internet dikecilkkan
Date	21 Mar 2010
MediaTitle	Metro Ahad
Section	Setempat
Journalist	N/A
Frequency	Daily
Circ / Read	314,321 / 1,964,000

Language	Malay
Page No	25
Article Size	705 cm²
Color	Full Color
ADValue	15,158
PRValue	45,475



Jurang penggunaan Internet dikecilkkan

Menerusi program USP, penduduk terutama pelajar luar bandar tidak lagi ketinggalan

APABILA internet diperkenal kepada rakyat Malaysia pada 1991, bermulalah titik ledaikan teknologi maklumat dan kemunculan era digital di Malaysia.

Pelbagai manfaat dan kemudahan diperolehi tanpa mengira siapa, sama ada kakitangan awam, swasta, suri rumah sehingga pelajar.

Sebelum ini wujud jurang penggunaan internet antara kawasan bandar dan pedalaman tetapi menerusi program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP), penduduk terutama pelajar tidak lagi ketinggalan dalam memanfaatkan teknologi maklumat.

Misalnya di Marang, Terengganu, kemudahan Internet sudah boleh dinikmati masyarakat setempat di perpustakaan sejak 2007 malah memberi banyak manfaat serta pendedahan kepada golongan pelajar.

Murid tahun lima, Wan Mohd Muttaqim yang tinggal di Kampung Rhu Muda kini sudah boleh menggunakan komputer hasil tunjuk ajar abangnya di perpustakaan berhampiran kediaman mereka.

"Setiap hari saya tidak sabar untuk belajar benda baru menggunakan komputer yang disediakan," katanya.

Kegembiraan sama turut dirasai pelajar tingkatan dua, Mohd Ikhwan yang menggunakan kemudahan Internet untuk mengakses aplikasi pendidikan secara online 'Score A' di situ.

"Selain banyak membantu saya dalam pelajaran, saya juga boleh berhubung dengan rakan jauh melalui emel," katanya.

Headline	Jurang penggunaan Internet dikecilkkan	Language	Malay
Date	21 Mar 2010	Page No	25
Media Title	Metro Ahad	Article Size	705 cm²
Section	Setempat	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	15,158
Frequency	Daily	PRValue	45,475
Circ / Read	314,321 / 1,964,000		

Bagi penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM), Zulhelmi pula dia menggunakan kemudahan disediakan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) itu untuk mengetahui perkembangan semasa dunia selain menambah pengetahuan dalam jurusannya iaitu kejuruteraan komputer dan sistem komunikasi.

"Usaha menyediakan perkhidmatan Internet secara percuma ini sangat baik kerana memudahkan penduduk di kampung saya mendapat pendedahan teknologi maklumat," katanya.

Di Dungun yang terletak kira-kira sejam perjalanan dari Marang pula, pegawai perpustakaan, Azmi Ibrahim, berkata sejak kemudahan Internet disediakan di situ, semakin ramai yang mahu menjadi ahli perpustakaan.

"Pada Jun 2007 sebelum adanya kemudahan Internet, kami hanya ada 76 ahli tetapi bermula Julai jumlah itu me-

ningkat kepada 615 manakala Ogos, seramai

433 ahli baru mendaftar sehingga saya terpaksa menetapkan penggunaan Internet hanya 30 minit bagi setiap ahli," katanya.

Bekas penuntut diploma dalam jurusan Teknologi Maklumat (IT) di Kolej Tek-

nologi Bestari, Ernee Abdul Rahman yang kini bertugas sebagai penyelia di perpustakaan itu pula berkata, dia amat gembira dengan sambutan penduduk terhadap kemudahan disediakan.

"Selain murid sekolah dan remaja, ramai juga golongan dewasa datang mendapatkan

maklumat mengenai pertanian dan ternakan haiwan di Internet malah ada yang sanggup berbasikal dari jauh untuk menikmati kemudahan Internet," katanya.

Selain kemudahan Internet yang disediakan di perpustakaan, projek SchoolNet yang dibangunkan hasil usaha sama antara kerajaan, Government Intergrated Telecommunications Network Sdn Bhd (GITN), eB Technologies (M) Sdn Bhd dan Mimos Bhd turut memberi manfaat tidak ternilai kepada pelajar luar bandar mengenai perkembangan teknologi maklumat.

Projek itu bermatlamat menyediakan perkhidmatan jalur lebar dan kemudahan Internet kepada sekolah khusus menggunakan kepelbagai teknologi.



TERHIBUR... kanak-kanak seronok bermain Internet di perpustakaan.

Headline	Jurang penggunaan Internet dikecilkkan	Language	Malay
Date	21 Mar 2010	Page No	25
MediaTitle	Metro Ahad	Article Size	705 cm²
Section	Setempat	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	15,158
Frequency	Daily	PRValue	45,475
Circ / Read	314,321 / 1,964,000		

